

Pemikiran subsidi akan dikurangkan

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan terus berusaha mengurangkan pemikiran subsidi di kalangan rakyat secara beransur-ansur bagi memastikan cita-cita negara mewujudkan satu masyarakat yang berdikari tercapai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk itu, kata Perdana Menteri, kerajaan akan mengkaji semula semua bentuk subsidi supaya tidak wujud lagi tabiat suka bergantung kepada bantuan sehingga melemahkan semangat masyarakat untuk berdikari.

Berucap merasmikan seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat di sini hari ini, beliau berkata, pemberian subsidi dan pelbagai bentuk bantuan lain sedikit sebanyak memanjakan segolongan rakyat di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, bantuan yang diberikan oleh kerajaan sebenarnya untuk membantu seseorang memulakan usaha yang produktif dan bukan menjadikan mereka lemah.

"Pendirian ini sudah digambarkan melalui sikap

kerajaan mengenai subsidi yang sebelum ini dihulurkan kepada petani, nelayan dan sebahagian penduduk luar bandar serta sektor-sektor lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan memastikan bantuan kebajikan diberikan hanya untuk membolehkan mereka yang terbabit meneruskan hidup secara berdikari, atau meneruskan hidup dengan bantuan paling minimum.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak menggalakkan bantuan itu diberikan hingga menjadikan seseorang itu bergantung penuh kepada kerajaan.

Nampak segar

"Mereka yang selalu bergantung kepada bantuan kerajaan mungkin nampak segar untuk seketika, tetapi semangat mereka akan menjadi lemah dan terus luput dalam jangka panjang," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, ini tidak bermakna kerajaan tidak mengambil berat kebajikan rakyat, sebaliknya langkah itu diambil untuk ke-

pentingan jangka panjang negara dan masyarakat.

Menurutnya, kerajaan sedar bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti orang cacat, buta, kanak-kanak dan wanita yang teraniaya mungkin berbeza dengan pemberian subsidi kepada petani dan penduduk miskin.

Tetapi, kata Datuk Seri Dr Mahathir, kelemahan itu tidak bermakna golongan berkenaan tidak boleh berusaha kerana mereka yang bersemangat tetap dapat menolong diri mereka sendiri.

"Di sinilah letaknya fungsi pertumbuhan-pertumbuhan kebajikan, kerana merekalah yang patut menolong melatih orang yang kurang bernasib baik, supaya berjaya memulih maruah mereka dan tidak menjadi beban kepada sesiapa," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap pertumbuhan kebajikan mengadakan kursus atau latihan bagi memastikan pekerja-pekerja sukarela mempunyai kemahiran menjalankan kerja-kerja kebajikan dengan lebih berkesan.

Perdana Menteri yang mengingatkan rakyat supaya tidak mengenyepikan tanggungjawab memelihara anggota keluarga masing-masing, terutama yang kurang bernasib baik.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan dan pertumbuhan kebajikan hanya dapat memberi bantuan, tetapi tidak boleh memberi kasih sayang seperti yang didorong oleh sistem kekeluargaan masyarakat Timur.